

MT putuskan Muhyiddin tak akan rasmi mesyuarat sayap Umno
Malaysian Insider
Nov 24, 2015
Oleh KC Nazari

Datuk Seri Najib Razak mengumumkan Majlis Tertinggi hari ini memutuskan mesyuarat sayap Wanita, Pemuda dan Puteri pada Perhimpunan Agung Umno bulan Disember depan akan dirasmikan ketua sayap masing-masing dan bukannya Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Najib yang juga perdana menteri itu berkata, keputusan itu dicapai bagi mengekalkan "suasana baik dan positif" perhimpunan.

"Perhimpunan agung kali ini kita hendak suasananya baik dan suasananya positif.

"Antara keputusan yang kita buat sayap Wanita, Pemuda dan Puteri akan dirasmikan ketua sayap masing-masing," katanya pada sidang media di Parlimen hari ini.

Keputusan yang dicapai pada mesyuarat di bangunan sementara Parlimen petang ini dibuat tanpa kehadiran Muhyiddin yang juga timbalan presiden dan Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Mengikut konvensyen Umno, mesyuarat sayap parti dirasmikan timbalan presiden.

Muhyiddin dan Shafie sebelum ini digugurkan dalam rombakan Kabinet pada hujung Julai lalu dan ia berlaku selepas kedua-dua mereka rancak menyatakan perbezaan pendapat dengan Najib dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sementara itu, Najib turut menjelaskan keputusan Umno mengadakan mesyuarat di dalam kawasan Parlimen yang mengejutkan ramai pihak.

"Mesyuarat ini terpaksa diadakan di perkarangan pejabat Parlimen sebab kita perlu dekat dengan dewan Parlimen kalau ada pengundian belah bahagi kita boleh pastikan kehadiran.

"Jadi ia tidaklah sesuatu yang luar biasa, parti pembangkang pun pernah melakukannya," katanya. – 24 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mt-putuskan-muhyiddin-tak-akan-rasmi-mesyuarat-sayap-umno>